

JAWATAN KOSONG



MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah).

| NAMA JAWATAN | PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) |
|--------------|-------------------------------|
|--------------|-------------------------------|

| | | |
|---|---|------------------------------|
| Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan | : | MAJLIS PERBANDARAN KULIM |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | PELAKSANA |
| Klasifikasi Perkhidmatan | : | PERKHIDMATAN SAMBILAN HARIAN |
| Kadar Upah | : | RM 54.00 SEHARI |
| Jabatan | : | PELBAGAI JABATAN |
| Taraf Jawatan | : | PEKERJA SAMBILAN HARIAN |

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - Warganegara Malaysia ;
 - Memiliki sekurang-kurangnya kelayakan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
 - Mempunyai lesen menunggang motosikal yang sah dan lesen memandu kelas B2/B/D/E2/E1/E.
 - Sihat tubuh badan dan berumur tidak melebihi dari 45 tahun pada tarikh tutup iklan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat dan luar Pejabat serta memiliki lesen memandu yang sah daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) - B2/B/D/E2/E1/E.

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan operasi pejabat seharian melibatkan kutipan hasil, pentadbiran dan sokongan, penyediaan laporan, perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan bangunan serta pengurusan sisa pepejal.

Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja berkaitan urusan secara hands on pembaikan jalan, tanah runtuh, longkang pecah, pembaikan gerai dan bangunan Majlis, serta

lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.

CARA MEMOHON

- 1) Semua borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman Portal MPKK <http://www.mpkk.gov.my/ms/quest/e-borang>
- 2) Setiap permohonan hendaklah disertakan perkara-perkara berikut:-
 - a) 2 keping gambar berukuran passport
 - b) Salinan Sijil Kelahiran } Tidak perlu
 - c) Salinan Kad Pengenalan } disahkan salinan
 - d) Salinan Sijil Peperiksaan } sebenar
 - e) Lain-lain Sijil yang berkaitan }
- 3) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 25 sm x 32 sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- 4) Permohonan yang tidak lengkap, tidak jelas dan tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan akan **DITOLAK**. Permohonan hendaklah sampai di alamat seperti berikut:-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KULIM,
NO. 1, LEBUH BANDAR 2,
BANDAR PUTRA KULIM
09000 KULIM, KEDAH
(u.p: Bahagian Sumber Manusia)**

- 5) Tarikh Tutup Permohonan: **7 NOVEMBER 2021**

CATATAN AM

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

